
Skim Perkhidmatan Bagi Penyerapan Kakitangan 'Open Vote' dan Bergaji Hari

SKIM PERKHIDMATAN

- | | | |
|-------------------------------|---|---|
| 1. JAWATAN | : | PEKERJA TINGKAT KHAS (TETAP) |
| 2. BAHAGIAN | : | IV |
| 3. TANGGAGAJI | : | Tertakluk kepada Tanggagaji dalam jawatan 'Open Vote' dalam Tanggagaji D dan sebanding dan bagi jawatan Bergaji Hari - penetapan tanggagaji dan gaji adalah mengikut ketetapan sepertimana lazimnya. |
| 4. JABATAN/KEMENTERIAN | : | Jabatan-Jabatan Kerajaan |
-

5. SYARAT KELAYAKAN

- a. Mestilah terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- b. Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Ugama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.
- c.
 - i. Sedang berkhidmat dalam **perkhidmatan 'Open Vote' sebagai Pekerja Tingkat Khas atau Pekerja Tingkat 1 atau Pekerja Tingkat II** atau jawatan yang bersesuaian (bagi mana-mana jawatan 'Open Vote' sebelum diserapkan ke Perkhidmatan Tetap) sekurang-kurangnya dalam tanggagaji D dan sebanding.

ATAU

- ii. Sedang berkhidmat dalam **perkhidmatan Gaji Hari** dalam jawatan dan dalam lingkungan bidang tugas serta kelulusan jawatan yang bersesuaian.

- d. **Bagi kakitangan bergaji hari yang dilantik ke dalam Perkhidmatan Tetap** mestilah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi tiga (3) tahun berturut-turut sekurang-kurangnya di tahap BAIK (Gred C) dalam tempoh lima (5) tahun kebelakangan.

6. SYARAT-SYARAT LAIN

- a. Hendaklah bersedia bertugas pada bila-bila masa termasuk diluar masa pekerjaan biasa dan dimana-mana sahaja dikehendaki sebagaimana yang diarahkan.
- b. Syarat-syarat lain adalah dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

Pindaan dan tambahan kepada Skim Perkhidmatan ke atas jawatan ini hendaklah dengan kebenaran Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

m.s. 1



Skim Perkhidmatan Bagi Penyerapan Kakitangan 'Open Vote' dan Bergaji Hari

7. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Tertakluk kepada tugas dan tanggungjawab yang berkaitan dan yang diarahkan oleh Pegawai atasan di Jabatan/ Kementerian berkenaan.

8. TEMPOH PERCUBAAN DAN PENETAPAN JAWATAN

Tempoh percubaan hanya akan **dikenakan bagi kakitangan bergaji hari yang dilantik ke dalam Perkhidmatan Tetap sahaja dan tidak dikenakan bagi kakitangan dalam 'Open Vote'**.

Mereka adalah dikehendaki menjalani tempoh percubaan selama 3 tahun dan akan ditetapkan dalam jawatannya setelah berjaya menamatkan tempoh percubaan dan memenuhi syarat bagi penetapan jawatan serta mendapat sokongan Ketua Jabatan.

**9. KURSUS/LATIHAN**

Pekerja Tingkat Khas (Tetap) adalah dikehendaki mengikuti setiap kursus/latihan yang ditetapkan dari semasa ke semasa.